



**KEJOHANAN SUKAN STAF
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
PERATURAN BERBASIKAL**



1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan **(UCI) *Union Cycliste Internationale* dan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Penalti Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lumba Basikal SUKUM 2022.
 - 1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lumba Basikal SUKUM 2022 adalah muktamad.

2. MAKLUMAT PERTANDINGAN

ACARA/Road bike	BUTIRAN/MAKLUMAT
Berbasikal RB VIP Individu (Lelaki)	Tarikh: 18 September 2022 (Ahad) Masa: 07:30 pagi Tempat Bermula: Lebuh Silikon (Institut Biosains) Kategori: Terbuka (Gred 54 dan ke atas atau memegang jawatan pengurusan universiti) Jarak Perlumbaan: 4.3km x 6 Lap

<p>Berbasikal RB Terbuka (Wanita)</p>	<p>Tarikh: 18 September 2022 (Ahad) Masa: 08:40 pagi Tempat Bermula: Lebuh Silikon (Institut Biosains) Kategori: Kelayakan pelumba adalah terbuka kepada semua gred staf dan umur (wanita) Jarak Perlumbaan: 4.3km x 4 Lap</p>
<p>Berbasikal RB Individu (Lelaki) - Veteran</p>	<p>Tarikh: 18 September 2022 (Ahad) Masa: 9:50 pagi Tempat Bermula: Lebuh Silikon (Institut Biosains) Kategori: Veteran Jarak Perlumbaan: 4.3km x 8 Lap</p>
<p>Berbasikal RB Individu (Lelaki) - Senior</p>	<p>Tarikh: 18 September 2022 (Ahad) Masa: :11.30 pagi Tempat Bermula: Lebuh Silikon (Institut Biosains) Kategori: Senior Jarak Perlumbaan: 4.3km x 8 Lap</p>
<p>Berbasikal Ujian Masa Berpasukan (2L + 1W)</p>	<p>Tarikh: 18 September 2022 (Ahad) Masa: 01:15 petang Tempat Bermula: Lebuh Silikon (Institut Biosains) Kategori: Ujian Masa Jarak Perlumbaan: 4.3km x 2 Lap</p>

ACARA/MTB	BUTIRAN/MAKLUMAT
<p>Berbasikal MTB VIP Individu (Lelaki)</p>	<p>Tarikh: 17 September (Sabtu) Masa: 07:30 pagi Tempat Bermula: Fakulti Pertanian, UPM Kategori: Terbuka (Gred 54 dan ke atas atau memegang jawatan pengurusan universiti) Jarak Perlumbaan: 4.5km x 4 Lap</p>
<p>Berbasikal MTB Individu (Heavyweight) – Terbuka</p>	<p>Tarikh: 17 September (Sabtu) Masa: 08:40 pagi Tempat Bermula: Fakulti Pertanian, UPM Berat pelumba: 90kg keatas Jarak Perlumbaan: 4.5km x 6 Lap</p>
<p>Berbasikal MTB Individu (Lelaki) - Veteran</p>	<p>Tarikh: 17 September (Sabtu) Masa: 09:50 pagi Tempat Bermula: Fakulti Pertanian, UPM Kategori: Veteran Jarak Perlumbaan: 4.5km x 6 Lap</p>
<p>Berbasikal MTB Individu (Lelaki) - Senior</p>	<p>Tarikh: 17 September (Sabtu) Masa: 11:00 pagi Tempat Bermula: Fakulti Pertanian, UPM Kategori: Senior Jarak Perlumbaan: 4.5km x 6 Lap</p>

3. CADANGAN LALUAN PERLUMBAAN (ROAD BIKE)



Lokasi: UPM | Jarak: 4.3KM (1 pusingan) | *Elevation: +-60m*

4. CADANGAN LALUAN PERLUMBAAN (MOUNTAIN BIKE)



Lokasi: Ladang 16, UPM | Jarak: 4.5km (1 pusingan) | *Elevation: +-170m*

5. PENYERTAAN

5.1 Penyertaan pasukan Universiti Awam boleh mendaftar acara seperti berikut:

5.1.1 Acara Berbasikal Ujian Masa (RB) Berpasukan

5.1.1.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan tiga (3) pelumba bagi setiap pasukan.

5.1.1.2 Setiap pasukan perlu mempunyai dua (2) orang peserta lelaki dan satu (1) orang peserta wanita.

5.1.2 Acara Berbasikal (RB) Terbuka - Wanita

5.1.2.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) orang pelumba wanita bagi setiap pasukan.

5.1.2.2 Kelayakan pelumba adalah terbuka kepada semua gred staf dan umur.

5.1.3 Acara Berbasikal (RB) Individu Lelaki - Senior

5.1.3.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) orang pelumba lelaki bagi setiap pasukan.

5.1.3.2 Kelayakan pelumba adalah staf lelaki yang berumur 39 tahun dan ke bawah pada tarikh acara berlangsung.

5.1.4 Acara Berbasikal (RB) Individu Lelaki – Veteran

5.1.4.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) orang pelumba lelaki bagi setiap pasukan.

5.1.4.2 Kelayakan pelumba adalah staf lelaki yang berumur 40 tahun dan keatas pada tarikh acara berlangsung.

5.1.5 Acara Berbasikal (RB) Individu Lelaki – VIP

5.1.5.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) orang pelumba lelaki kategori VIP bagi setiap pasukan.

5.1.5.2 Kelayakan pelumba adalah staf lelaki pada Gred 54 dan ke atas sahaja (akademik dan pengurusan) atau memegang jawatan pengurusan universiti.

5.1.6 Acara Berbasikal (MTB) Individu Lelaki *heavyweight* – Terbuka

5.1.6.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) pelumba lelaki bagi setiap pasukan.

5.1.6.2 Kelayakan pelumba adalah terbuka kepada semua gred staf dan umur dengan berat minimum 90kg pada sebelum perlumbaan

5.1.6.3 Sesi timbangan pertama akan **diadakan sekurang-kurangnya 1 Jam sebelum perlumbaan bermula**

5.1.7 Acara Berbasikal (MTB) Individu Lelaki – Senior

5.1.7.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) pelumba lelaki bagi setiap pasukan.

5.1.7.2 Kelayakan pelumba adalah staf lelaki yang berumur 39 tahun dan kebawah pada tarikh acara berlangsung.

5.1.8 Acara Berbasikal (MTB) Individu Lelaki – Veteran

5.1.8.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) pelumba lelaki bagi setiap pasukan.

5.1.8.2 Kelayakan pelumba adalah staf lelaki yang berumur 40 tahun dan keatas pada tarikh acara berlangsung.

5.1.9 Acara Berbasikal (MTB) Individu Lelaki - VIP

5.1.9.1 Maksimum 1 pasukan dari setiap kontigen dengan bilangan maksimum dua (2) pelumba lelaki kategori VIP bagi setiap pasukan.

5.1.9.2 Kelayakan pelumba adalah staf lelaki pada Gred 54 dan ke atas sahaja (akademik dan pengurusan) atau memegang jawatan pengurusan universiti

6. SYARAT TAMBAHAN KELAYAKAN PENYERTAAN UNTUK SEMUA ACARA

- 6.1 Pengurus, jurulatih dan mekanik pasukan **TIDAK DIBENARKAN** bertanding.
- 6.2 Pelumba yang sama **dibenarkan** untuk berlumba dalam acara lain contohnya pelumba RB boleh menyertai acara MTB dan sebaliknya.
- 6.3 Pelumba acara RB dari kategori lain **dibenarkan** menyertai perlumbaan kategori ujian masa berpasukan.

7. PERATURAN PERLUMBAAN UMUM

- 7.1 Setiap kontigen **DIBENARKAN** menghantar maksimum satu pasukan untuk setiap acara (RB 5 acara dan MTB 4 acara).

- 7.2 Setiap kontigen boleh menghantar minimum tujuh (7) orang pelumba bagi acara RB dan empat (4) orang pelumba bagi acara MTB.
- 7.3 Pelumba yang menggunakan plate dan nama selain yang didaftarkan akan dibatalkan penyertaan (*disqualified*).
- 7.4 Pelumba **DIWAJIBKAN** memakai helmet keselamatan; pelumba tidak akan dibenarkan untuk berlumba sekiranya peraturan ini tidak dipatuhi:
 - 7.4.1 Pelumba setiap pasukan hendaklah memakai jersi pasukan masing-masing yang seragam.
 - 7.4.2 Nombor pelumba hendaklah dipasang di seat-post basikal (RB) dan di *handlebar* (MTB) serta belakang badan peserta dan peserta dikehendaki menamatkan perlumbaan dengan menggunakan basikal serta nombor pendaftaran yang sama.
 - 7.4.3 Setiap perlumbaan akan diiringi oleh Komisar/Marshal bermotor. Penggunaan kereta sokongan (*Support Car*) adalah tidak **DIBENARKAN** sepanjang perlumbaan berlangsung.
 - 7.4.4 Pelumba perlu bertanding dengan semangat kesukanan dan tidak menghalang peserta lain yang ingin mendahului.
 - 7.4.5 Pelumba hanya **DIBENARKAN** bertanding di laluan litar yang telah ditentukan sahaja.
- 7.5 Petugas pasukan tidak dibenarkan membantu atau menolak peserta semasa pertandingan.
- 7.6 Penukaran basikal adalah dilarang semasa perlumbaan. *Feed & Technical Zone (FTZ)* akan disediakan dikawasan yang akan dimaklumkan semasa mesyuarat bersama pengurus pasukan masing-masing.
- 7.7 Pelumba hendaklah menjaga dan tidak mencemarkan alam sekitar.
- 7.8 Setiap pelumba hendaklah mematuhi Cut-Off time yang ditetapkan dan memberikan kerjasama apabila dikehendaki menaiki Sweeper. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab dari aspek keselamatan dan lain-lain sekiranya pelumba tidak mematuhi arahan selepas Cut-Off time.
- 7.9 Pelumba perlu mematuhi keselamatan jalanraya dan juga sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Komisar, Marshal dan anggota Polis di sepanjang laluan perlumbaan ini.

- 7.10 Pelumba bagi setiap kontijen perlu berada di tapak mula perlumbaan yang ditetapkan sekurang-kurangnya 1 jam sebelum acara bermula. Pasukan yang didapati lewat akan dibatalkan penyertaan serta merta.
- 7.11 Pasukan adalah dilarang untuk memindahkan atau menukar penyertaan kepada orang lain semasa kejohanan berlangsung.
- 7.12 Peserta tidak dibenarkan berpatah balik dan berkayuh menyongsang aliran perlumbaan. Sila patuhi arahan marshal bertugas.
- 7.13 Setiap pasukan atau kontijen yang bertanding perlu memastikan keadaan kesihatan pelumba adalah dalam keadaan baik untuk berlumba. Setiap peserta digalakkan untuk mengambil perlindungan insuran kemalangan atau kecederaan atau apa jua kerugian kepada pelumba dan pasukan.
- 7.14 Setiap pasukan juga perlu memastikan keselamatan peralatan perlumbaan masing-masing termasuk basikal dan pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kehilangan atau kecurian peralatan.
- 7.15 Jarak dan masa perlumbaan adalah berdasarkan anggaran dan pihak penganjur berhak untuk meminda laluan perlumbaan mengikut kesesuaian dan keselamatan. Jika berlaku pindaan laluan, ketua pasukan akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 4 jam sebelum acara bermula

8. PENENTUAN PEMENANG

8.1 Acara Ujian Masa Berpasukan

- 8.1.1 Waktu perlumbaan dan kedudukan pasukan akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pasukan bagi acara ini akan dilepaskan setiap 2 minit giliran berdasarkan undian.
- 8.1.2 Catatan masa bagi acara Ujian Masa Berpasukan diambil berdasarkan masa pelumba kedua di dalam satu-satu pasukan yang tiba di garisan penamat termasuk seorang pelumba wanita. Pasukan yang mencatatkan masa yang terbaik akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 8.1.3 Mana-mana pasukan dengan sendirinya akan terkeluar dari pertandingan apabila gagal mencukupkan bilangan 2 orang pelumba (termasuk pelumba wanita) yang tiba di garisan penamat.
- 8.1.4 Penganjur akan menyediakan 3 orang *Starter* semasa *flag-off*.

8.2 Acara Berbasikal RB (Senior, Veteran, Terbuka dan VIP)

8.2.1 Waktu perlumbaan dan kedudukan pasukan akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pasukan bagi acara ini akan dilepaskan serentak mengikut acara.

8.2.2 Pemenang perlumbaan akan dikira bagi pelumba yang menamatkan perlumbaan di kedudukan pertama, kedua dan ketiga sahaja.

8.3 Acara Berbasikal MTB (Senior, Veteran, Terbuka dan VIP)

8.3.1 Waktu perlumbaan dan kedudukan pasukan akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pasukan bagi acara ini akan dilepaskan serentak mengikut acara.

8.3.2 Pemenang perlumbaan akan dikira bagi pelumba yang menamatkan perlumbaan di kedudukan pertama, kedua dan ketiga sahaja.

9. SYARAT KHUSUS UNTUK BASIKAL DAN KATEGORI

9.1. Acara Berbasikal Ujian Masa Berpasukan

9.1.1 Basikal adalah jenis *Road Bike* sahaja.

9.1.2 Penggunaan **Triathlon Bars** adalah dibenarkan.

9.1.3 Pasukan perlu memastikan basikal yang digunakan adalah dalam keadaan baik dan selamat serta mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk perlumbaan.

9.1.4 Penggunaan basikal elektrik (e-Bike) adalah **TIDAK DIBENARKAN**

9.2 Acara Berbasikal RB (Senior, Veteran, Terbuka dan VIP)

9.2.1 Basikal adalah jenis *Road Bike* sahaja.

9.2.2 Pasukan perlu memastikan basikal yang digunakan adalah dalam keadaan baik dan selamat serta mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk perlumbaan.

9.2.3 Penggunaan basikal elektrik (e-Bike) adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

9.3 Acara Berbasikal MTB (Senior, Veteran, Terbuka dan VIP)

9.3.1 Basikal jenis Mountain Bike sahaja yang dibenarkan untuk kategori ini (*Cross Country, Trail atau Enduro*).

- 9.3.2 Pasukan perlu memastikan basikal yang digunakan adalah dalam keadaan baik dan selamat serta mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk perlumbaan.
- 9.3.3 Hanya tayar off road MTB saiz 1.95 ke atas sahaja dibenarkan.
- 9.3.4 Penggunaan basikal elektrik (e-Bike) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

10.TATATERTIB

Semua Pengurus dan Jurulatih dan pemain-pemain yang berdaftar dikehendaki menyertainya dengan penuh semangat kesukanan, di samping menghormati dan mematuhi segala Undang-Undang dan Peraturan yang telah ditentukan. Semua pasukan hendaklah mematuhi arahan komisar dan segala keputusan komisar adalah muktamad.

11.RINGKASAN PINGAT

Hadiah berupa pingat akan diberikan secara berikut:

ACARA/RB	EMAS	PERAK	GANGSA
Ujian Masa Berpasukan (2 Lelaki + 1 Wanita)	1 (3)	1 (3)	1 (3)
Berbasikal RB Individu (Lelaki) - Senior	1	1	1
Berbasikal RB Individu (Lelaki) - Veteran	1	1	1
Berbasikal RB VIP Individu (Lelaki)	1	1	1
Berbasikal RB Terbuka (Wanita)	1	1	1
JUMLAH PINGAT	5 (7)	5(7)	5(7)

ACARA/MTB	EMAS	PERAK	GANGSA
Berbasikal MTB Individu (<i>Heavyweight</i>) – Terbuka	1	1	1
Berbasikal MTB Individu (Lelaki) - Senior	1	1	1
Berbasikal MTB Individu (Lelaki) - Veteran	1	1	1
Berbasikal VIP Individu (Lelaki)	1	1	1
JUMLAH PINGAT	4(4)	4(4)	4(4)

12. RINGKASAN JUMLAH PENYERTAAN MENGIKUT ACARA

PERMAINAN	FORMAT	ATLET		PENGURUS & JURULATIH
		LELAKI	WANITA	
Berbasikal RB	Ind/Ber	8	3	2
Berbasikal MTB	Ind	8	-	2
JUMLAH		16	3	4